



Bot pukat tunda ditahan selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di perairan laut Safma, Kota Kinabalu. (Foto Juwan Riduan/BH)

Tangki yang diubah suai berisi minyak diesel ditemui dalam bot pukat tunda yang ditahan

BH 13/1/25 PG 15

## PPM tahan bot pukat tunda jual diesel bersubsidi tanpa permit

**Kota Kinabalu:** Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot pukat tunda selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di kawasan laut Safma, di sini, Jumaat lalu.

Bot pukat tunda itu ditahan bot ronda PPM Kota Kinabalu kira-kira jam 8 malam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim, berkata pemeriksaan menemukan beberapa tangki diubah suai berisi diesel.

“Dua tangki diubah suai dengan kapasiti 1,000 liter yang berisi kira-kira 2,000 liter diesel, manakala empat tangki

yang turut diubah suai dengan kapasiti 600 liter berisi 2,400 liter diesel.

“Dua lagi tangki diubah suai ditemui dengan kapasiti 800 liter berisi 1,600 liter diesel,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Jumlah keseluruhan rampasan 6,000 liter diesel dianggar

bernilai RM163,500.

“Pasukan serbuan turut merampas peralatan untuk menjalankan aktiviti penjualan minyak berkenaan.

“Pemeriksaan lanjut mendapati penama gagal mengemukakan sebarang permit membeli, membawa dan memasarkan diesel bersubsidi nelayan dari-

pada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup (KPDN),” kata

Pasukan serbuan kemudian membuat tangkapan dan pasan dibawa ke Pangkalan PPM Kota Kinabalu untuk tindakan siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut Kawalan Bekalan 1961.